



**Keberkesanan Pembelajaran Secara Fleksibel  
Bagi Pelajar Pendidikan Jarak Jauh Program  
Diploma Pentadbiran Awam (AL110) Universiti  
Teknologi MARA: Satu Kajian Kes**

**Oleh**

**Siti Nurul Huda Binti Muhammat**

**Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)  
Pengkhususan  
Pengurusan Pusat Sumber Maklumat**

**Fakulti Pengajian Maklumat  
Universiti Teknologi MARA**

**Oktober 2002**

## **PENGHARGAAN**

*Alhamdulillah, bersyukur saya kehadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya akhirnya saya dapat menyiapkan laporan projek penyelidikan akademik ini. Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pembelajaran secara fleksibel bagi pelajar-pelajar pendidikan jarak jauh program Diploma Pentadbiran Awam (AL110) Universiti Teknologi MARA: Satu kajian kes.*

*Setinggi- tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khas kepada En. Husain B. Hashim selaku Pensyarah Penyelia yang telah memberi banyak tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat kepada saya dalam proses menyiapkan laporan projek penyelidikan akademik ini. Sesungguhnya tanpa nasihat dan tunjuk ajar daripada beliau sudah tentu penyelidikan ini sukar disiapkan dengan sempurna.*

*Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan-kakitangan Pusat Perkembangan Pendidikan, INTEKMA Resort & Convention Center terutamanya Prof. Madya Hjh. Masitah Hashim, Tn . Hj. Abd. Raphar Zainal Abidin dan Pn. Norshidah Mohd. Nordin di atas kerjasama dan maklumat yang telah diberikan. Terima kasih juga di tujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian akademik ini.*

## **ABSTRAK.**

Kajian ini di lakukan untuk menjelaskan tentang keberkesanan pembelajaran elektronik di kalangan pelajar fakulti Pentadbiran Awam dan Perundangan yang mengikuti program pembelajaran fleksibel bagi Diploma Pentadbiran Awam (AL110). Pembelajaran elektronik adalah sebagai mekanisme baru untuk perhubungan atau komunikasi dengan rangkaian komputer, perpustakaan elektronik, pembelajaran jarak jauh,multimedia, jentera pencarian dan “online kelas”. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengetahui tahap komitmen pelajar-pelajar terhadap halacara pembelajaran fleksibel. Manakala objektif yang kedua pula untuk menentukan tahap keberkesanan sistem pembelajaran fleksibel dalam pembelajaran para pelajar AL110. Selain itu, objektif yang ketiga pula adalah untuk menentukan tahap keberkesanan sistem pembelajaran elektronik dalam membantu meningkatkan pembelajaran pelajar AL110. Seterusnya objektif yang terakhir adalah untuk menentukan tahap keberkesanan interaksi pelajar-pelajar dan pemudahcara pembelajaran. Penyelidikan yang di gunakan menggunakan kaedah kajian kes iaitu penyelidikan di fokuskan kepada pelajar Diploma Pentadbiran Awam (AL110) yang mengikuti program pembelajaran fleksibel (FLP). Hasil penyelidikan ini ternyata para pelajar tahu dan mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer dan internet dalam mengikuti program pembelajaran fleksibel dan ia perlulah di pertingkatkan sistem persempahan agar lebih ramai akan mengikuti program pembelajaran fleksibel. Selain itu maklum balas menunjukkan bahawa keberkesanan sistem membolehkan pelajar mengikuti program kerana boleh

## **KANDUNGAN**

### **MUKA SURAT**

<b>PRAKATA</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI GRAF</b>	x

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.0 PENGENALAN	1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	4
1.2 PERNYATAAN MASALAH	6
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	8
1.4 PERSOALAN PENYELIDIKAN	9
1.5 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN	10
1.6 SKOP DAN BATASAN	11
1.7 DEFINISI ISTILAH DAN KONSEP DI GUNAKAN	12

## **BAB SATU**

### **1.0 PENGENALAN**

Pembelajaran adalah satu proses di mana manusia dapat memperolehi kemahiran yang baru atau pengetahuan untuk meningkatkan prestasi pekerjaan dan akademik masing-masing. Pendidikan semestinya dijadikan satu proses yang berterusan dalam kehidupan. Dewasa ini manusia berlumba-lumba bersaing untuk mencapai taraf kehidupan yang baik. Semakin maju sesebuah negara semakin meningkat keperluan untuk tenaga kerja mahir dan yang berpengetahuan. Pendidikan merupakan wahana utama untuk menerap pelbagai idea baru, teknologi moden dan penerapan kepakaran dalam masyarakat. Pada zaman teknologi moden yang semakin mencabar ini, manusia perlu melengkapkan diri dengan berbagai-bagai ilmu pengetahuan untuk meningkatkan taraf kehidupan.

Di abad ke-21 ini, syarikat di seluruh dunia sedang mempertingkatkan inovasi dan cara yang lebih berkesan untuk menyebarkan latihan dan pendidikan kepada tenaga kerjanya. Sehubungan dengan kemajuan dalam teknologi, pembelajaran bukan bergantung kepada latihan tradisi tetapi akan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai satu saluran untuk mempelajari sesuatu.